



MUSNIN (enam dari kanan) bergambar kenangan dengan pelajar MRSM Tawau.

Pelajar MRSM Tawau lawat UMS-KAL

UG 15-02-2012 B13

LABUAN: Seramai 34 pelajar Tingkatan Lima Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Tawau telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) Isnin lalu.

Rombongan yang diketuai Mohd Nasrizal Mohd Nasir dan Rahema Lambang bersama 18 lelaki dan 14 perempuan itu mahu mengetahui program yang ditawarkan UMS-KAL.

Taklimat mengenai pentadbiran UMS-KAL disampaikan oleh Penolong Pendaftar Pentadbiran, Noraini Samsu, manakala program Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL) disampaikan oleh Penolong Pendaftar, Mas Adi Alimin.

Penolong Pegawai Tadbir, Mohizam Mohamad menyampaikan taklimat mengenai Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL), Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) disampaikan Penolong Pendaftar Kanan, Norhanizah Adnan.



MUSNIN (kanan) menyampaikan cenderamata kepada Nasrizal.

Turut memberikan taklimat ialah Pustakawan, Ruhidah Raplee dan Penolong Pendaftar Pusat Kokurikulum,

Mohd Fadali Sarudi. Rombongan MRSM turut dibawa melawat Pejabat SPKAL dan SSIL.